

SOALAN NO : 130

dari seluruh negara telah mendapat manfaat daripada Geran Agropreneur Muda yang melibatkan peruntukan RM116 juta. Jumlah pembiayaan khas agropreneur muda (pinjaman) pula adalah seramai 61 usahawan berjumlah RM4.2 juta dari tahun 2017 hingga 15 November 2020.

- 2) Kementerian juga melaksanakan Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Program PLKPK yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) ini menawarkan pembelajaran di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) yang merangkumi sembilan (9) bidang. Antaranya tanaman, ruminan, akuakultur, teknologi penangkapan ikan dan pemasaran.

Dari tahun 1969 sehingga tahun 2019, seramai 19,565 orang graduan telah berjaya dilahirkan. Penggunaan teknologi moden dalam pertanian merupakan di antara silibus pembelajaran yang digunapakai dalam PLKPK seperti tanaman cili fertigasi, hidroponik, penggunaan simulasi elektronik dan sebagainya.

- 3) Ringkasan pencapaian geran Agropreneur Muda (GAM) bagi projek pertanian moden MAFI adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KELULUSAN	JUMLAH KELULUSAN (RM)
2016	191	3,990,900
2017	394	6,808,000
2018	134	2,327,000
2019	144	2,530,000
2020 *	159	3,134,746
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	1,022	18,790,646

* Sehingga 15 November 2020

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas-asas pertimbangan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar yang diumumkan Kerajaan baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2020, ekonomi negara dianggar menguncup 4.5 peratus berikutan penularan pandemik COVID-19 serta beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai usaha menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat. Namun begitu, bagi mengimbangi impak tersebut kepada ekonomi negara, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi bernilai RM305 bilion bagi melindungi rakyat, membantu perniagaan dan menyokong pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaan pakej rangsangan tersebut dan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur mulai Mei 2020 telah memberi impak positif terhadap aktiviti ekonomi, yang dijangka menyumbang lebih daripada 4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK negara . Ini dapat dilihat melalui penguncupan ekonomi yang berkurangan daripada 28.6 peratus pada bulan April 2020 kepada 3.2 peratus pada bulan Jun 2020 dan 1.6 peratus pada bulan September 2020.

2. Selanjutnya, dengan mengambil kira faktor global dan domestik, Kerajaan telah mengunjurkan pertumbuhan ekonomi negara kembali pulih antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun 2021. Sebahagian daripada unjuran pertumbuhan ini juga turut disumbangkan oleh kesan asas yang rendah (*lower base effect*), iaitu berpunca daripada kemerosotan ekonomi yang ketara pada tahun 2020.

3. Antara faktor global yang diambil kira termasuk:

- a. Jangkaan pemulihan ekonomi global sebanyak 5.2 peratus dan perdagangan antarabangsa sebanyak 8.3 peratus bagi tahun 2021 seperti yang diunjurkan oleh pihak IMF; dan
- b. Jangkaan pengkomersialan vaksin COVID-19 yang lebih cepat dari unjuran asal.

4. Manakala, dari sudut domestik, pemulihan ketara ekonomi negara pada 2021 turut disokong oleh tindak balas cepat dan proaktif Kerajaan dalam menangani krisis ini dan mencergaskan semula ekonomi negara termasuk dengan pelbagai inisiatif Belanjawan 2021 yang telah diumumkan. Dari sudut penawaran, kesemua sektor utama ekonomi negara diunjur kembali berkembang diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan yang menyumbang sebanyak 80.8% daripada KDNK. Sektor perkhidmatan diunjur meningkat 7 peratus disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi; kewangan dan insurans; dan aktiviti berkaitan pelancongan manakala sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 7 peratus didorong oleh peningkatan berterusan dalam industri berorientasikan eksport dan domestik.

5. Dari sudut permintaan pula, perbelanjaan swasta akan terus menerajui pertumbuhan. Penggunaan swasta diunjur kembali pulih sebanyak 7.1 peratus disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta prospek pekerjaan yang lebih baik berikutan ekonomi beroperasi dalam guna tenaga penuh. Pelaburan swasta turut dijangka kembali pulih sebanyak 6.7 peratus didorong oleh penerusan projek utama

infrastruktur dan peningkatan pelaburan terutamanya dalam sektor pembuatan berikutan peningkatan dalam perdagangan global. Sektor awam akan terus memainkan peranan sebagai fasilitator melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk merancang dan mencergaskan aktiviti perniagaan seperti penubuhan dana untuk menyokong pendigitalan terutamanya kepada PKS serta inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) dan penubuhan Unit Penyelarasan dan Kemajuan Projek (PACU) bagi memudahkan cara operasi perniagaan dan memacu aktiviti pelaburan swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Pada masa yang sama, pembaharuan struktur ekonomi, kewangan dan fiskal yang dilaksanakan selama ini telah menyediakan penampan yang mencukupi untuk Malaysia bertahan dalam menangani cabaran luar. Struktur ekonomi yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh asas ekonomi yang meluas; sistem kewangan yang berdaya tahan dan maju; dan struktur perdagangan yang pelbagai dari segi pasaran eksport dan produk serta kadar pertukaran yang fleksibel terus mendokong aktiviti ekonomi domestik.

7. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan ekonomi negara pada 2021 banyak bergantung kepada sejauh mana tahap penularan pandemik COVID-19 di peringkat global dan domestik serta pengkomersialan vaksin dalam masa terdekat. Sekiranya krisis COVID-19 berpanjangan, Kerajaan akan membuat penyesuaian semula kepada belanjawan dan mengenal pasti penjimatan untuk disalurkan kepada program atau aktiviti berdasarkan keutamaan dan keperluan untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Perikatan Nasional terhadap usaha menyelamatkan Malaysia Airlines Berhad (MAB) yang terjejas ekoran COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, Kerajaan tidak terlibat dalam apa-apa pelan menyelamatkan (*bail out*) mana-mana syarikat penerbangan komersial termasuk memberi pinjaman atau jaminan selaras dengan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 13 Oktober 2020.
2. Bagi mengatasi masalah kewangan Malaysia Airlines Berhad (MAB), Kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya dalam memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut.

Sekian terima kasih.